

07/10/2002

Ketiadaan mekanisme hak cipta `sekse' saintis tempatan

Salina Abdullah

BEBERAPA tahun lalu, negara berbangga apabila anak tempatan berjaya menghasilkan penawar untuk mengubati penyakit barah payu dara hasil daripada kekayaan sumber biologi negara.

Penemuan penyelidik ini memberi harapan baru kepada pesakit barah payu dara, yang menjadi antara pembunuh utama wanita di seluruh dunia.

Bagaimanapun, kegembiraan dan kebanggaan ini tidak lama - ciptaan bertaraf dunia penyelidik tempatan ini `dicuri' negara luar.

Ketika diajukan perkara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, turut menyuarakan kekecewaannya.

Namun, beliau menegaskan kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa atau mengambil tindakan terhadap negara luar itu kerana penyelidik tempatan terbabit dan negara tidak memegang hak cipta terpelihara terhadap penemuan itu.

Ini salah penyelidik sendiri, kata Law, kerana tidak mempatenkan penemuan itu terlebih dulu sebelum menyertai pameran atau pertandingan antarabangsa.

Pakar genomik tumbuhan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Harikrishna Kulaveerasingam, mengambil keputusan untuk mempatenkan idea dan hasil penyelidikannya di Australia.

Bukan berniat menidakkan keupayaan agensi kerajaan berkaitan, tetapi mengapa perlu menunggu sehingga lima tahun dan membayar sehingga RM8,000 untuk melakukan perkara serupa yang memerlukan masa jauh lebih pendek dan pada kos yang hampir separuh lebih rendah?

Dua kes di atas adalah contoh masalah yang dihadapi saintis dan penyelidik tempatan, khususnya dalam bidang bioteknologi.

Dalam pada kerajaan melaung-laungkan kesediaan Malaysia untuk memajukan bidang bioteknologi dan menjadi landasan untuk menembusi pasaran yang lebih luas, tidak keterlaluan jika dikatakan perkara asas seperti paten yang dapat memastikan hak cipta penyelidik dan negara terpelihara, kurang diberi perhatian.

Tidak cukup dengan pendapatan yang `menyedihkan' dan terpaksa pula menanggung kos pendaftaran dan pemfailan penemuan, penyelidik juga perlu membayar sejumlah wang yang besar untuk mempatenkan sepenuhnya penemuan mereka di setiap negara pesaing.

Sebagai contoh, kata Dr Harikrishna, penyelidik perlu membayar RM76,000 (AS\$20,000) setahun bagi memegang hak cipta di Amerika Syarikat tanpa mengambil kira yuran yang perlu ditanggung di negara lain.

Beberapa saintis tempatan yang ditemui berkata, hak cipta atau paten perlu bagi melindungi hak penyelidik dan negara terhadap sesuatu penemuan dan khazanah negara selain hak daripada aspek ekonomi.

Ketiadaan mekanisme khusus berhubung paten idea dan penemuan bioteknologi, kata Dr Harikrishna, `menyeksa' saintis kerana terpaksa mencari peruntukan sendiri untuk tujuan itu.

Malah, ada ketikanya penyelidik terpaksa mengeluarkan wang saku sendiri.

Ketua Jabatan Bioteknologi, Fakulti Sains Gunaan, Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (Aimst), Profesor Dr Helen Nair, berkata ketiadaan mekanisme itu seolah-olah mencerminkan tiadanya pengiktirafan terhadap saintis dan penyelidik tempatan.

Perkongsian dalam menghasilkan idea atau sesuatu penemuan, termasuk pembiayaan untuk mempatenkan hasil itu sewajarnya ditingkatkan, jika negara mahu bergerak jauh dalam bidang bioteknologi ini.

Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, Tan Sri Razali Ismail, ketika ditemui Berita Harian, baru-baru ini berkata, Malaysia masih jauh ketinggalan dalam bidang itu walaupun mempunyai kepakaran dan sumber semula jadi yang berpotensi untuk dieksploit dan dikomersialkan, apatah lagi dalam memegang hak cipta terpelihara atau paten idea atau produk bioteknologi.

Hakikat bahawa Malaysia hanya memiliki tiga peratus hak cipta terpelihara daripada limpahan produk yang dikeluarkan industri, seharusnya membimbangkan banyak pihak.

Walaupun industri bergerak pesat di negara ini, hampir semua produk yang dihasilkan adalah milik atau hasil teknologi import.

Kemajuan sesebuah negara diukur daripada bilangan hak cipta terpelihara ini dan berapa banyak hak cipta terpelihara yang dipegang sesebuah negara.

Walaupun Malaysia lebih maju berbanding negara membangun lain, kita masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara maju.

Di Jepun, umpamanya, lebih 70 peratus daripada produk yang dikeluarkan negara itu adalah teknologi tempatan.

Hakikatnya, banyak perkara yang perlu ditangani pihak berkaitan bagi memastikan matlamat menjadi negara maju tercapai.

Mungkin ada baiknya kerajaan menghalusi masalah yang dihadapi penyelidik tempatan ini kerana kegagalan berbuat demikian pastinya akan membantutkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sekali gus menggagalkan pelbagai matlamat yang disasarkan.

Sewajarnya, saintis dan penyelidik tempatan diberi pengiktirafan terlebih dulu, seperti memudahkan proses paten, memberi pembiayaan untuk paten selain menawarkan gaji dan insentif menarik, sebelum memikirkan penyertaan penyelidik atau syarikat luar.

Bukan menolak perkongsian pintar dengan penyelidik dan syarikat luar ini. Seperti yang ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, langkah ini perlu untuk mempercepatkan pembangunan sains dan teknologi, khususnya bioteknologi di negara ini.

Namun, ia tidak bermakna kepentingan saintis tempatan harus diabaikan umpama peribahasa `kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan'.

Saintis dan penyelidik tempatan perlu mendapat pengiktirafan sewajarnya kerana yang pasti Malaysia tidak ketandusan cerdik pandai yang mampu menggegarkan dunia.

Beberapa saintis tempatan yang berkhidmat di luar negara berkata, pengiktirafan kerajaan terhadap sumber tenaga manusia tempatan, terutama saintis dan penyelidik adalah rahsia yang memastikan kejayaan industri bioteknologi di negara ini.

Tidak salah, kata mereka, untuk kerajaan mendapatkan pandangan pakar luar negara tetapi keghairahan `mengutamakan' tenaga pakar luar negara akan membawa kesan buruk kepada usaha memajukan bidang bioteknologi di negara ini.

Tiada siapa yang lebih memahami keperluan dan kelebihan negara untuk maju dalam bidang bioteknologi ini melainkan pakar tempatan. Mereka tahu kelemahan dan kekuatan negara serta keperluan rakyat.

Bukan tidak boleh mendapatkan pandangan pakar luar negara, namun, pengalaman negara maju membuktikan langkah ini bukan saja tidak berkesan malah menggagalkan cita-cita dan hasrat kerajaan terbabit.

Mereka secara dasarnya diundang kerajaan untuk menjadi panel Lembaga Penasihat Bioteknologi, yang akan ditubuhkan dalam tempoh terdekat ini. Lembaga yang akan dipengerusikan Dr Mahathir dan dianggotai pakar bioteknologi dalam dan luar negara (termasuk saintis Malaysia yang berkhidmat di luar negara) bertanggungjawab menasihati kerajaan dalam menjayakan bidang bioteknologi di negara ini.

(Kumpulan lapan saintis ini ditemui pada Persidangan Antarabangsa

Bioteknologi Malaysia (Bio Malaysia) 2002, yang berlangsung di ibu kota dari 1 hingga 4 Oktober lalu).

Namun, ketika ditanya kesediaan mereka untuk pulang berkhidmat di dalam negara, rata-rata mereka yang sudah berkhidmat di luar negara hampir 30 tahun, membayangkan perkara itu tidak akan berlaku, sekurang-kurangnya tidak dalam tempoh terdekat ini.

Rasionalnya, mereka tidak boleh dipersalahkan sama sekali. Kemajuan 'negara baru' mereka, yang memberi keutamaan kepada pembangunan bidang bioteknologi ini sejak berpuluh tahun lalu, menyediakan segala-galanya yang diperlukan untuk menjalankan kegiatan R&D.

Adakah ini bermakna kemudahan yang disediakan negara tidak memadai? Adakah pendekatan negara memberi keutamaan kepada pembangunan bioteknologi berasaskan sumber semula jadi satu langkah yang silap?

Kemudahan ada, tetapi perlu diperkemas dan dipertingkatkan. Isu perundangan, terutama paten atau hak cipta terpelihara harus diberi perhatian.

Pengarah Institut Kajian Lanjutan, Univeriti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNU), Prof Datuk Zakri Abdul Hamid, mencadangkan tabung pembiayaan bagi paten diwujudkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Urusan mempatenkan idea atau penemuan bukan saja memakan masa yang lama malah menelan perbelanjaan yang besar. Menerusi tabung ini, yang mendapat sumber daripada kerajaan dan swasta akan membantu memudah dan mempercepatkan proses ini," katanya.

Sewajarnya, kerajaan segera melihat isu ini dengan serius. Pengarah Direktorat Bioteknologi Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Prof Abdul Latif Ibrahim, berkata cadangan serupa sudah dikemukakan beberapa kali kepada kerajaan, namun sehingga ke hari ini, tiada pertimbangan serius dibuat.

Jawapan Law ketika diminta mengulas cadangan itu pada hari penutup persidangan, ternyata mengecewakan.

Tidak diberi pertimbangan khusus; akan teliti jika ada keperluan - bukanlah jawapan yang hendak kita dengar. Seolah-olah, persidangan yang berlangsung empat hari itu, dengan pandangan dan pengalaman yang dikongsi bersama pakar dalam dan luar negara, termasuk pemenang Anugerah Nobel, Arthur Kornberg, ibarat masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

Kerajaan perlu serius. Penyediaan kemudahan bukan saja dari aspek pembiayaan, kelengkapan peralatan malah perlindungan hak dari segi perundangan. Dua kes yang dinyatakan di atas (yakin banyak kes seumpama ini berlaku), sewajarnya menjadi pengajaran untuk kerajaan lebih bersiap sedia.

Pendekatan kerajaan mewujudkan BioValley Malaysia dalam usaha memajukan bidang bioteknologi, sememangnya langkah yang amat tepat. Dengan memberi penekanan kepada bidang bioteknologi yang berasaskan kekayaan sumber semula jadi negara - pertanian, farmaseutikal dan genomik - ramai pakar bioteknologi yakin Malaysia mampu mencapai matlamat ini.

Sebagai sebuah negara yang tergolong antara 12 negara kaya dengan kepelbagaian biologi, kekayaan sumber semula jadi - flora dan fauna - adalah satu kelebihan dan keunikan yang tidak dimiliki negara lain sekali gus memungkinkan matlamat memajukan industri itu, sesuatu yang tidak mustahil.

Kedudukannya yang strategik dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC) selain dikelilingi sembilan universiti (yang melahirkan ramai tenaga sumber manusia), lima institut penyelidikan serta dekat dengan lapangan terbang antarabangsa turut memberi kelebihan kepada projek BioValley Malaysia.

Namun, faktor utama yang memastikan kejayaan projek ini ialah ia

disokong dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Tidak seperti kebanyakan projek BioValley di negara lain, langkah itu digerakkan swasta tanpa komitmen sepenuhnya kerajaan.

Bagaimanapun, segala elemen, kekayaan dan kelebihan yang dimiliki ini tidak akan menjamin kejayaan negara dalam bidang bioteknologi jika masalah yang terpencil, seperti paten dan pengiktirafan kepada tenaga sumber manusia tempatan, tidak diatasi.

Perasaan bangga semata-mata terhadap pencapaian saintis Malaysia di luar negara, seperti yang disuarakan Law kepada lapan saintis terbabit, tidak memadai malah tidak dapat membantu memajukan negara dalam bidang berteknologi tinggi ini.

Kerajaan seharusnya mengambil iktibar dan mengkaji faktor sebenar yang 'mencuri' cerdik pandai tempatan ini. Kegagalan berbuat demikian akan menyaksikan negara terus berada di pihak yang rugi.